

**Kuala Terengganu:** Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM) menahan 20 nelayan warga Vietnam selepas dikesan menceroboh perairan negara kira-kira 116 batu nautika dari muara Kuala Terengganu, di sini, Selasa lalu.

Pengarah APMM Terengganu, Kepten Maritim Khairulnuar Abd Majid berkata, bot nelayan asing itu ditahan pada jam 1.20 tengah hari selepas bertindak melarikan diri sebelum itu.

Menurutnya, pihaknya sebelum itu melakukan rondaan Op Naga Barat dan Op Kuda Laut mengesan sebuah bot dalam keadaan mencurigakan kira-kira jam 12.30 tengah hari.

“Menyedari kehadiran kapal APMM, bot nelayan terbabit cuba melarikan diri ke

# 20 nelayan Vietnam ditahan ceroboh perairan negara

HM 2/6/2023 MS:5



BOT nelayan Vietnam yang ditahan APMM.

“  
**Bot nelayan terbabit cuba melarikan diri ke arah sempadan Vietnam**  
Khairulnuar

arah sempadan Vietnam, namun berjaya ditahan.

“Pemeriksaan mendapati tekong bot gagal menunjukkan sebarang kebenaran untuk menangkap ikan di perairan Malaysia.

“Hasil pemeriksaan mendapati terdapat 20 kru termasuk tekong warga Vietnam yang berusia 18 hingga 49 tahun berada di atas bot terbabit,” katanya menerusi kenyataan, di sini, semalam.

Menurutnya, kes akan diasiasat mengikut Akta Peri-

ikanan 1985 dan Akta Imigresen 1959/63.

Katanya, pihaknya turut merampas bot, peralatan menangkap ikan, ikan seberat kira-kira 300 kilogram (kg), peralatan komunikasi dan navigasi serta 2,000 liter bekalan diesel dianggarkan berjumlah RM1.5 juta.